

Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi

(Music Tradition In Perak Traditional Dances: An Ethnomusicological Approach)

Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon, Nor Shuradi Nor Hashim

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan khazanah seni dan mempunyai pelbagai bentuk kesenian seperti tarian, silat dan sebagainya yang masih diwarisi sehingga kini khususnya di kalangan orang-orang Melayu. Oleh itu satu kajian perlu diadakan berkaitan muzik tradisi tari rakyat negeri Perak. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji jenis, bentuk dan fungsi dalam muzik tradisi tari negeri Perak. Berasaskan kepada tujuan ini pengkaji telah melaksanakan kajian menggunakan pendekatan kualitatif dari sudut etnomuzikologi. Kaedah pemerhatian berserta telah diguna pakai semasa pengumpulan data di lapangan. Lokasi kajian yang menjadi tumpuan utama adalah di Tanjong Bidara, Mukim Pulau Tiga, Kampong Gajah, Teluk Intan, Perak. Pengumpulan data di lapangan menggunakan instrument temu bual, rakaman video, rakaman audio multi-tracking dan imeg pegun. Hasil penyelidikan mendapati tiga jenis tarian yang masih dipersembahkan di negeri Perak iaitu Tarian Dabus, Tarian Bubu dan Tarian Lotah. Di antara ketiga-tiga tarian ini, Tarian Dabus masih dianggap paling dominan dan terkenal dengan masyarakat Perak. Fungsi ketiga-tiga persembahan tarian ini sebagai hiburan semasa perkahwinan dan majlis-majlis rasmi. Hasil penyelidikan dijangka dapat memberi informasi tentang muzik tarian yang masih diamalkan dan dipersembahkan di negeri Perak dan juga diharap dapat dimanfaatkan oleh generasi seterusnya dalam melestarikan satu bentuk kesenian yang amat tinggi nilainya.

Kata Kunci *Muzik Tradisional Perak, Tarian Dabus, Tarian Bubu, Tarian Lotah, Muzik Tarian Melayu*

Abstract

Perak, a state full of rich cultural and diverse forms of arts like dances and martial arts to name a few, is still in existence with basic methods passed down over the generations mainly among the Malays. The purpose of this research is to observe and identify the different types, forms and functions in the traditional music dance of Perak. A team of researchers has applied qualitative methods from an ethnomusicological perspective in this research. Observations and various methods were utilised in collecting data at Tanjong Bidara, Mukim Pulau Tiga, Kampong Gajah, Teluk Intan, Perak. Methods used in the data collection process include interviews, video recording and audio recording with multi-tracking device and still cameras to record images.

This project involves investigations of three types of dances still performed in Perak such as Tarian Dabus, Tarian Bubu and Tarian Lotah. Among the three dances, Tarian Dabus is considered the most dominant in the Perak culture and society. The three dances are usually performed at weddings and official events. Research findings will add information about dance music practiced and performed in Perak, and will be useful to future generations through preservation of this valuable art form.

Keywords Folk music, dance, Tarian Dabus, Tarian Bubu, Tarian Lotah.

Pengenalan

Kesenian tradisional termasuklah muzik adalah bentuk seni persembahan yang dimiliki dan diamalkan secara turun temurun dan saling berkaitan dengan nilai dan kepercayaan dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakat sesuatu suku kaum. Matusky dan Tan (1997) mendefinisikan muzik tradisional sebagai 'budaya rakyat' yang diperturunkan secara lisan di kampung-kampung dan kawasan desa secara bersahaja. Seni tari dan muzik mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia dan alam. Tarian dalam alam Melayu diertikan sebagai seni yang halus. Di sebalik kehalusan gerak-geri yang ditunjukkan melalui lenggang lenggok dan ayunan tangan yang lembut itu sebenarnya terdapat cerita-cerita yang menarik.

Tarian dalam dunia Melayu merupakan satu pelengkap dan berfungsi dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Mohd Ghouse Nasuruddin (1994) menyatakan perkembangan tarian tradisi Melayu bermula dari pergerakan ritual yang ringkas, kemudian berkembang kepada tarian rakyat sehinggalah kepada tarian istana yang lebih kompleks dan halus. Tarian yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu itu mempunyai dua fungsi iaitu aspek sekular dan spiritual. Fungsi sekular ialah mendidik dan menyambung cerita dongeng, legenda, adat tradisi dan hiburan. Manakala aspek spritual ialah memberi maksud yang lebih mendalam sebagai saluran untuk menghubungi, mempelawa dan memuja semangat animisme. Hubungan muzik dan gerak tari tidak pernah terpisah. Muzik mampu menzahirkan perlakuan sosial dan pengetahuan serta dapat digunakan secara efektif bagi mereka yang mempunyai kemahiran mendengar dan mengamal budaya tempatan (Blacking, 1973). Merriam (1964) pula menyatakan salah satu fungsi muzik adalah mengiringi tarian dalam sesebuah masyarakat.

Demikian juga fenomena yang berlaku di Negeri Perak di mana muzik rakyat dan tarian yang dimainkan tidak mendapat pendokumentasian yang khusus. Tanpa pendokumentasian yang tepat adalah dikhuatiri ilmu tradisi muzik rakyat yang disampaikan secara lisan ini akan semakin lama semakin pupus. Oleh yang demikian, melalui penulisan esei ini dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran dan rujukan bagi mereka yang berminat dan berkecimpung dalam seni muzik serta satu usaha pemeliharaan budaya muzik Negeri Perak. Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan khazanah seni dan mempunyai pelbagai bentuk kesenian seperti tarian, silat dan sebagainya yang masih diwarisi sehingga kini khususnya dalam kalangan orang-orang Melayu. Budaya ini jika tidak dipelihara atau direkodkan ia akan hilang begitu sahaja setelah ahli-ahli yang menggiatkan budaya tersebut meninggal dunia. Proses pendokumentasian melalui informan adalah amat perlu dalam membuat

kajian mengenai bentuk indigenous muzik ini. Tarian dalam dunia Melayu merupakan satu pelengkap dan berfungsi dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Mohd Ghouse Nasuruddin (1994) menyatakan perkembangan tarian tradisi Melayu bermula dari pergerakan ritual yang ringkas, kemudian berkembang kepada tarian rakyat sehinggalah kepada tarian istana yang lebih kompleks dan halus. Tarian yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu itu mempunyai dua fungsi iaitu aspek sekular dan spritual. Fungsi sekular ialah mendidik dan menyambungkan cerita dongeng, legenda, adat tradisi dan hiburan. Mana kala aspek spritual ialah memberi maksud yang lebih mendalam sebagai saluran untuk menghubungi, mempelawa dan memuja semangat animisme.

Kesenian tarian rakyat negeri Perak yang begitu unik. Namun begitu akhir-akhir ini tarian-tarian ini seolah-olah semakin dilupai dan terpinggir. Ia hanya diamal dan dipratikkan oleh generasi tua. Tarian-tarian kurang mendapat tempat dihati masyarakat khususnya golongan muda. Kemasyhuran tarian ini suatu ketika dahulu menjadikannya satu tarian yang popular dan digemari oleh segenap lapisan rakyat. Atas kesedaran ini telah mendorong penyelidik untuk menjalankan penyelidikan bertujuan mendokumentasikan keindahan muzik tarian-tarian ini dalam bentuk notasi muzik dan penulisan buku ilmiah.

Pembangunan penyelidikan melibatkan pendekatan etnomuzikologi yang menjurus kepada muzik tari rakyat masih kurang diperluaskan apatah lagi diterbitkan secara ilmiah. Tinjauan penyelidik mendapati buku-buku mahupun risalah yang diterbitkan tidak begitu banyak menulis tentang seni muzik di negeri Perak dengan lebih terperinci lagi. Keperluan penyelidikan ini sangat penting bukan sahaja memperkenalkan negeri Perak semata-mata kepada masyarakat secara khusus tetapi mengembangkan lagi pengenalan identiti masyarakat di negeri Perak yang sememangnya mempunyai budaya muzik mereka sendiri. Keperluan ini sangat berguna bukan sahaja untuk membuat penerbitan persejarahan muzik tetapi berguna sebagai sumber ilmiah yang boleh digunakan dalam pelbagai bentuk teknologi yang canggih dalam usaha memperkenalkan muzik dalam bentuk visual interaktif terkini.

Penulisan yang telah dilakukan oleh Mohd Ghouse Nasuruddin pada tahun 1994 mengupas tentang muzik tradisional di Malaysia lebih menjurus kepada ensemble muzik Melayu secara am dengan sokongan notasi tari. Walaubagaimanapun, ia tidak fokus kepada muzik tari rakyat di Negeri Perak. Atas alasan itu, penyelidik ingin menjalankan sebuah penyelidikan yang menggunakan pendekatan etnomuzikologi di dalam penyelidikan ini. Kesedaran penyelidik sebagai seorang pensyarah muzik telah menggosarkan hati apabila melihat fenomena buku-buku muzik sangat kurang diterbitkan apalagi yang berkaitan dengan kesenian tradisi negeri khususnya tempat penyelidik bertugas di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Skop untuk penulisan ini meneliti adalah seni muzik tari rakyat negeri Perak. Jika dilihat negeri Perak kaya dengan sumber khazanah cerita-cerita lama berkenaan sejarah, ekonomi, politik dan seni yang sememangnya terlalu banyak untuk dihuraikan secara satu persatu. Namun begitu, apabila pelancong mahupun pelajar ingin mengetahui tentang seni muzik tari rakyat di negeri Perak, amat sukar untuk dicari atau dilihat dalam bentuk persembahan mahupun dibaca dalam buku dan sebagainya. Situasi ini memberikan kesempatan kepada penyelidik untuk meneliti muzik tari rakyat negeri Perak menggunakan pendekatan etnomuzikologi bagi muzik yang mengiringi

Tari Lenggok, Tari Bubu dan Tari Dabus yang sangat jarang diperkatakan mahupun dipersembahkan di khalayak. Perencanaan penyelidikan dari hasil dapatan kajian yang bakal diperoleh akan memberikan sumbangan bukan sahaja untuk penerbitan dalam klasifikasi seni, budaya dan warisan malah berguna dijadikan sebagai modul dalam bentuk rakaman video/visual bersesuaian sebagai bahan pengajaran muzik secara akademik yang menggunakan elemen teknologi kreatif.

Diharapkan kesenian ini terus berkembang dari satu generasi ke satu generasi. Sekiranya perhatian dapat diberikan dengan sewajarnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab usaha menghidupkan kesenian ini dan mengekalkan keaslian tarian tersebut boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Penulisan ini memberi tumpuan kepada beberapa perkara utama yang bersangkutan dengan muzik yang mengiringi tarian-tarian di negeri Perak. Antaranya adalah menjelaskan muzik dan lagu tradisi yang mengiringi tarian rakyat yang masih ada di negeri Perak, menganalisis seni kata lagu tradisi yang mengiringi tarian rakyat dan menjelaskan fungsi-fungsi persembahan muzik tarian rakyat negeri Perak.

Kerja Lapangan

Penulisan ini adalah didasari dari sebuah kajian lapangan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam penyelidikan ini kerana kami berpendapat bahawa, kaedah kualitatif adalah relevan dalam penyelidikan yang bersumberkan data dari lapangan selain dari sumber rujukan dari perpustakaan dan sumber lain. Ianya lebih menumpukan kerja-kerja lapangan. Kerja lapangan, data kerja lapangan akan dikumpul melalui kaedah pemerhatian serta nota lapangan, pemerhatian turut serta dengan nota lapangan dan temubual berstruktur dan tidak berstruktur (Burns, 1995 & Creswell, 2007). Semua aktiviti temu bual dan persembahan akan dirakam menggunakan rakaman audio berdigital supaya memudahkan melaksanakan transkripsi manakala rakaman audio visual dan imej pegun akan dirakam dalam setiap persembahan dan aktiviti tunjuk cara permainan muzik. Nettle (1956) menyatakan untuk mendapat data, perlu mendapatkan penyanyi dan melaksanakan rakaman. Berikut adalah senarai perkakasan dan peralatan yang digunakan kerja-kerja lapangan bagi tujuan pengumpulan data penyelidikan ini. Kerja lapangan dan data kerja lapangan akan dikumpul melalui kaedah berikut:

- a. Pemerhatian serta nota lapangan.
- b. Pemerhatian turut serta dengan nota lapangan.
- c. Temu bual tidak berstruktur menggunakan rakaman audio bagi mendapat data yang diperlukan.
- d. Rakaman audio visual untuk persembahan.
- e. Rakaman fotografi untuk persembahan.
- f. Rakaman fotografi untuk pembuatan alat muzik.

Subjek Kajian

Untuk mengumpul data, kami melawat ke lokasi kajian yang telah dirancang sebanyak tiga kali. Dalam lawatan tersebut, kami telah berkesempatan berinteraksi terus dengan

beberapa individu yang terlibat secara langsung dalam kesenian tempatan yang telah dikenalpasti oleh team penyelidik. Mereka yang terdiri daripada informer Mohd Yussof Najmi bin Othman manakala responden dalam penyelidikan ini adalah Haji Ismail Yusuff, Encik Mohammad Nasiruddin Sani dan Puan Fatimah Seteh @ Kak Yong. Kami juga telah mengenal pasti salah seorang anak kepada tokoh dan penggiat seni Tarian Dabus yang terkenal di negeri Perak iaitu Serteh. Anak arwah Serteh dikenali sebagai Fatimah @ Kak Long. Beliau merupakan salah seorang penari Tarian Dabus yang telah mengikuti bapanya sejak kecil lagi.

Alatan Penganalisan Data Kajian

Muzik Tarian yang telah dirakam di lapangan akan ditranskripsikan dalam bentuk penulisan notasi barat menggunakan perisian Sibelius 6. Menurut Mohd Hassan Abdullah, *et al.* (2009) perisian notasi muzik barat ini digunakan bagi membantu penyelidik membuat transkripsi lagu dan seterusnya memudahkannya untuk dibuat analisis dari aspek muzikologi. Antara kelebihan perisian Sibelius 6 adalah boleh memainkan semula setiap notasi yang ditranskripsi. Perisian ini juga mampu menghasilkan memaparkan notasi muzik dalam format imej pegun. Penggunaan perisian *multi-tracking* penting untuk merakam data audio jika melibatkan banyak sumber bunyi yang berbeza dalam sesebuah persembahan muzik. Kelebihan perisian *Logic Pro multi-tracking* mampu mengasingkan bunyi. Ini memudahkan untuk membuat transkripsi dan penganalisan data yang diperolehi di lapangan. Ianya boleh dibuat kerja-kerja suntingan dan adunan bunyi dalam pasca-produksi di studio bagi tujuan pengkomersialan (Mohd Azam Sulong dan Mohd Nizam Attan, 2009).

Setelah lagu-lagu yang terpilih lengkap dinotasikan, penyelidik akan membuat analisis dari segi muziknya termasuk melodi, rentak, penggunaan alat muzik (warna ton), stail nyanyian dan bentuk. Kamien, (1996), Hoffer, (1985), Mack, (1994) menyatakan analisis melodi bukan setakat menganalisis vokal sahaja tetapi kesemua hal-hal yang berkaitan dengan melodi seperti interval, bentuk, tandanada, meter, *range*, *tessitura*, pergerakan melodi dan mod. Penyelidik juga akan membuat analisis teks iaitu seni kata yang dinyanyikan dalam lagu-lagu tarian yang akan diselidiki. Kebanyakan orang menganggap melodi dan seni kata dalam sesebuah lagu tidak boleh dipisahkan, (Nettl, 1956).

Data yang diperolehi akan dianalisis dengan pendekatan berikut:

- a. Rakaman Audio Muzik.
- b. Rakaman muzik akan ditranskripsi menggunakan stail notasi barat. Setiap elemen muzik yang ditranskripsi akan dibandingkan dan disilang rujuk untuk memahami stail sepenuhnya.
- c. Alat Muzik
Setiap alat muzik diukur dan dilukis mengikut skel. Di samping itu, setiap alat diberi deskripsi tentang prinsip pembuatan, bahan pembuatan, corak dekorasi, kaedah dan teknik persembahan, renj muzikal, ton dan skel teoretikal. Aspek unik setiap alat juga dikenal pasti seperti warna ton, volume dan renj alat.
- d. Rakaman Video
Rakaman video digunakan untuk menganalisis peranan muzik dalam persembahan tarian.

- e. Rakaman Temu bual
Rakaman temu bual akan ditranskripsi dan seterusnya dianalisis bagi tujuan menjelaskan peranan dan kaitan bentuk-bentuk dan tradisi lagu rakyat yang diamalkan.
- f. Rakaman Fotografi
Rakaman fotografi digunakan untuk menganalisis proses pencarian bahan buatan alat muzik dan proses pembuatan alat muzik.

Lokasi kajian

Sebagai langkah permulaan bagi meninjau kesenian dan kebudayaan di negeri Perak ini, penyelidik telah memilih kesenian tarian tradisi Perak iaitu Tarian Dabus, Bubu dan Lotah sebagai bahan penyelidikan. Penyelidikan hanya difokuskan kepada aspek muzik dan fungsi dalam tarian-tarian yang disebutkan di kawasan Perak Tengah iaitu di sekitar Teluk Intan. Penyelidik telahpun mengenal pasti lokasi utama adalah di sekitar Kompleks Sejarah Pasir Salak dan Tanjung Bidara, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah. Komplek Sejarah Pasir Salak dikenal pasti lokasi utama untuk Tarian Lotah kerana di sini terdapat Pelantar Belotah.



Rajah 1 Menunjukkan lokasi penyelidikan di lapangan

Jenis Muzik Tradisi Tarian Rakyat Negeri Perak

Tiga jenis persembahan yang menggabungkan tarian, nyanyian dan permainan muzik yang diperolehi dari kajian ini. Tiga persembahan itu adalah persembahan Tarian Bubu, Tarian Lokah dan Tarian Dabus. Walaupun persembahan ini menggabungkan tiga disiplin seni iaitu tarian, nyanyian dan permainan alat muzik, masyarakat setempat lebih gemar menyebut 'Tarian Bubu', 'Tarian Dabus' dan 'Tarian Lotah'. Ada juga yang memanggil dengan panggilan 'Lotah', 'Bubu' dan 'Dabus' (Temu bual dengan Mohd Yusuf Najmi Othman, penyelidik bebas Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Perak.). Pengaruh-pengaruh dari luar seperti Arab jelas kedapatan

dalam setiap persembahan kesenian tempatan termasuklah Tarian Dabus, Tarian Bubu dan Tarian Lokah.

Sejarah Tarian Dabus

Sejak lebih 100 tahun dahulu Tarian Dabus telah bertapak di negeri Perak. Sehingga kini terdapat tiga tempat di negeri Perak iaitu Kampung Tanjung Bidara di daerah Teluk Intan, Kampong Gajah di daerah Bagan Datoh dan Kampung Titi Panjang Laut di daerah Setiawan, yang masih memelihara dan mengekalkan kesenian tari Dabus ini. Pada asalnya Dabus bukanlah sebuah tarian tetapi merupakan sejenis permainan mempertahankan diri. Oleh itu, konsep Dabus adalah kepahlawanan yang menuntut kecerdasan, ketangkasan, keperwiraan dan keceriaan.

Sejarah Tarian Dabus bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w dan diciptakan oleh Saidina Ali dengan tujuan menakutkan dan menyekat serangan musuh yang memecah belahkan pengikut-pengikut Saidina Ali. Pada masa itu berlaku percanggahan fahaman mengenai agama di antara Saidina Ali dan musuhnya. Kesenian ini dipercayai disebarkan oleh pedagang-pedagang Islam yang datang ke Kepulauan Melayu melalui jalan laut. Maka, berlakulah penyebaran kesenian ini ke Negeri Perak tetapi ada juga diperolehi atau dibawa oleh penduduk tempatan sendiri. Menurut Tuan Haji Ismail pula, beliau menyatakan bahawa Dabus mula diperkenalkan di Negeri Perak khususnya di Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Kampong Gajah oleh Tok Pawang Bakar, seorang anak jati kampong itu yang pergi merantau Aceh. Tok Pawang Bakar telah menurunkan ilmu kesenian ini kepada Tok Banda Cu Biduan dan kemudian kepada anaknya Alang Dolah. Disitulah bermula semakin ramai yang mempelajari tarian ini dan ianya terus kekal hingga ke hari ini.

Seni kata lagu Tarian Dabus

Pada peringkat lagu-lagu Tarian Dabus dilagukan dalam bahasa Arab dan lagu-lagu rentak tarinya dinyanyikan sama ada di dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu mengikut dari mana asal kesenian ini dibawa. Apabila telah sekian lama bertapak di sini, seni kata lagu ini mula diubah ke dalam bahasa tempatan iaitu bahasa Melayu mengikut kesesuaian tempat serta daya kreativiti penggubahnya. Pada umumnya senikata lagu-lagu Tarian Dabus ini memuji kebesaran Allah dan Rasulnya.

Adam Siti HawéDatuk nenek moyang kité Mati di Jedah di luar koté Batu nisannya berjanjar tigé. Banyak hari perkaré hari Hari Jumaat yang sebenar hariBanyak nabi perkara nabi Nabi Muhammad sebenar nabiBudak-budak pergi ke sekolah Lagi mendapat lagi terpujiCukup duit pergi ke Mekah Boleh berziarah ke makam Nabi.

(Sumber: Tuan Haji Ismail Yusuff)

Pada umumnya seni kata lagu-lagu Tarian Dabus ini memuji kebesaran Allah dan Rasulnya. Ianya disampaikan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu secara berselang-seli. Antara contohnya adalah seperti seni kata di bawah ini.

(Dalam Bahasa Arab) He Allah he Allah, Hodal hema kheya maulai, He Allah he Allah, Lana mahbud se wa Allah. Mura di seng Allah mura diseng, Kama la izin Allah mura di, Mura di yah Allah mura di yah, Kama la izin Allah mura di. (Dalam Bahasa Melayu) Tuan Haji berbaju jubah, Pergi ke padang berburu rusa, Orang mengaji memuji Allah, Orang sembahyang mengampun dosa. Syed Hassan Syed Hussein, Anak cucu Rasulullah, Mati Hassan tinggal Hussein, Mati berperang Sabilullah.

(Sumber: Tuan Haji Ismail Yusuff)

Selain seni kata di atas, ada beberapa pantun yang diguna pakai dalam nyanyian lagu-lagu Tarian Dabus. Antaranya pantun yang dinyanyikan dalam persembahan Tarian Dabus adalah seperti berikut:

Baju putih serban putih,
Lalu dibawé pergi sembahyang,
Allah kasih Muhammad kasih,
Rasulullah terlalu sayang.

Tuan Haji berbaju jubah,
Pergi ke padang berburu rusé,
Orang mengaji memuji Allah,
Orang sembahyang mengampun dosé.

Tetak tebu kilaskan dayung,
Hendak mendayung selat Melaké,
Tuntut ilmu buatkan payung,
Buat melindungi api neraké.

(Sumber: Puan Fatimah Seteh @ Kak Yong)

Seni kata lagu-lagu Tarian Dabus terdiri daripada dua bahagian iaitu Hadi yang berupa chorus dan Jawab. Seni kata bahagian Hadi dipetik dari surah Berzanji dalam bahasa Arab mana kala seni kata bahagian Jawab adalah ciptaan penyanyi yang dinyanyikan dalam bahasa Melayu. Nyanyian bahagian Hadi dan Jawab disampaikan secara berselang-seli, Sekali Jawab sekali Hadi. Hadi pertama ialah Bishahrin, hadi kedua Tanaqal dan hadi ketiga Alham. Di bawah ini adalah seni kata yang melibatkan Hadi dan Jawab.

Hadi: Bishahrin rabieQad bawa nuruhul a'laFaya hab baz badruBiza kal hema yujlaJ
jawab: Mura disin, Allah mura disinKamala izin Allah muradinMura diya Allah mura diyaKamala izin Allah muradin Hadi: Tanaqal fi adhlabi arbabi sudadinKazal' shamsufi abrajihata tanaqqal Jawab: Sa..le la mahkota alam Bukit zaman kubur aulia Mari dituntut besi yang tajamBuat penawar besi yang bisa Hadi: Alhamdulillah hillazi a'toniHazar ghula mal taiibal. Azdani

Persembahan Tarian Dabus

Dabus bermaksud ‘besi atau lembing yang tajam’ dalam bahasa Bugis. Dalam persembahan Tarian Dabus ini ia lebih dikenali sebagai anak Dabus iaitu alat yang dipegang oleh penari semasa menari. Alat ini akan digoncang oleh penari untuk menghasilkan bunyi gemercik dalam pola irama yang diulang-ulang. Tarian Dabus mempunyai keunikan tersendiri, antaranya, setiap pergerakan tari Dabus ada maksud dibaliknya. Sebagai contoh, aksi menikam badan atau mencucuk lengan dengan menggunakan anak Dabus, yang mana pergerakan ini menceritakan bagaimana gagahnya pahlawan dahulu dalam mempertahankan diri dari dibunuh musuh. Apabila musuh diserang dengan menggunakan senjata Dabus ini, mereka akan melarikan diri terus memburu pahlawan-pahlawan kita pada masa dahulu. Namun, terdapat banyak lagi pergerakan Dabus yang lain yang mempunyai maksud tersendiri. Terdapat tiga jenis Tarian Dabus yang telah dikenal pasti di Negeri Perak ini. Antaranya ialah Susun Sireh, Ayun Tajak, Lang Sewah (Lang menyambar). Oleh itu Tarian Dabus haruslah diketengahkan dan harus diperkenalkan ke seluruh dunia. Tarian Dabus bukan sahaja mempunyai pergerakan yang unik, malah sejarah di sebalik Tarian Dabus ini juga unik.

Anak Dabus Cabang Empat merupakan antara jenis Anak Dabus yang digunakan dalam persembahan ini. Empat Cabang ini melambangkan empat penjuru dengan empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin. Ia mewakili semangat, kekuatan, keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Lambang keberanian dan kegagahan dapat dilihat dari aksi penari yang menari dengan gagah dan mencucuk Anak Dabus ke lengan mereka tanpa sakit atau takut walaupun tangannya berdarah. Unsur lupa atau trance dalam Tarian Dabus adalah separuh lupa sahaja. Penari berada dalam keadaan separuh lupa dengan ratib, zikir, paluan gendang Dabus dan gong serta bunyian gemercing anak Dabus (Harun Mat Piah, 2006, ms 27–44). Unsur separuh lupa pernah diamalkan oleh kumpulan Tarian Dabus pada masa dahulu. Namun begitu unsur lupa tidak dipraktikkan lagi disebabkan pengaruh agama Islam yang tidak menggalakkan unsur-unsur sedemikian.

Sejarah Tarian Lotah

Lotah atau Belotah merupakan sejenis tarian berserta nyanyian beramai-ramai ini bersifat ritual magis yang memuja semangat padi. Tarian ini dari segi konsepnya ada persamaan dengan tarian Sewang yang diamalkan dalam kalangan orang-orang asli di Perak (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004). Menurut cerita Tuan Haji Ismail (temu bual, Tuan Haji Ismail) dikatakan Tarian Lotah telah wujud pada awal kurun ke 19. Tarian ini mengisahkan sebuah keluarga yang berpindah dari kampung asal mereka di tepi Sungai Perak ke satu tempat baharu di pinggir hutan yang berbukit. Ketua keluarga tersebut iaitu bernama Bilal Batak akan membersihkan hutan itu dengan menebang pokok kayu hutan, kemudian dibakar untuk dijadikan lading tempat bercucuk tanam, iaitu tanaman utamanya ialah padi huma.

Keluarga ini mempunyai dua anak yang masih kecil iaitu seorang lelaki yang menjadi abang kepada seorang adik perempuan. Si abang akan disuruh menjaga adik perempuannya ketika ibu dan bapanya pergi berkerja di huma tersebut. Ketika ibu dan bapa balik melihat kedua beradik ini, didapati si adik telah hilang. Maka ditanya

kepada si abang ke mana si adik pergi. Si abang hanya menjawab bahawa adik telah tiada dalam buaian tersebut. Mereka pun berusaha mencari anak kecil mereka tersebut tetapi segala usaha mencari semuanya gagal.

Pada malam tersebut semasa mereka sedang tidur, mereka telah bermimpi bahawa anaknya sudah menjadi 'semangat padi'. Di dalam mimpi tersebut, Bilal dikehendaki membuat sebuah pelantar (pelanto) tempat mengerik padu sekiranya ingin menemui kembali anaknya. Pada keesokan harinya, Bilal menceritakan mimpi tersebut kepada ahli keluarganya. Keluarga Bilal Batak terus berusaha mencari bahan-bahan untuk membuat pelantar. Setelah pelantar siap dibina, pada malam itu juga keluarga Bilal Batak telah mengeluarkan gemal-gemal padi dari pinuhnya dan meletakkan di atas pelantar dengan rapi.

Bermula disinilah nyanyian lotah dinyanyikan sambil gemal padi tersebut di irek dengan kaki. Pada masa itu juga keluarga Bilal Batak mendapat kembali anak yang hilang tetapi hanya mendengar suara dan selepas itu suara itu pun hilang dan menjadi semangat padi. Apabila sahaja keluarga Bilal Batak merindui anaknya yang hilang, mereka bergotong-royong membuat pelantar dengan temasya berlotah dan kononnya pada ketika itulah mereka dapat mendengar suara anak mereka yang hilang.

Seni kata Lagu Tarian Lotah

Dalam ensembel muzik Tarian Lotah, terdapat dua bentuk iaitu Lotah Panjang dan Lotah Pendek. Seni kata lagu ini terdiri daripada pantun-pantun tradisi yang dilantunkan secara impromptu oleh penyanyi, pemuzik dan penari.

Menurut Haji Ismail Yusuf (temu bual, Haji Ismail Yusuf, Mac 2012 dan 7 Mei 2012) falsafah disebalik kesenian Lotah atau Belotah ini adalah semangat gotong royong. Kebanyakan petani menghasilkan bendang. Setiap musim menuai, maka penduduk ketika dulu akan berkumpul untuk mengetam padi secara 'berderau' dari satu bendang ke satu bendang sehingga semuanya selesai. Semua padi dinaikkan di atas sebuah pelantar, maka padi dipijak beramai-ramai. Ianya dipanggil 'mengirek'. Dalam aktiviti 'mengirek' ini terciptalah pantun antara mereka. Pantun dilagukan dalam tempo yang tercipta dari lantunan pelantar padi tadi menghasilkan rentak dan bunyi yang tersendiri (sila rujuk dalam analisis muzik).

Seni kata lagu Tarian Lotah panjang.

Amboi aya ya ya ye
Lemah lembut ha hai ha ha
Kayu dan akar le....
Aya ya ya ye....
Ha Hai...
Nak mengikat batang padi
Ha ha ha ha dalam padi
Aya ya ya ye
Amboi lemah lembut le
Ha hai kayu pelanto
Ha ha ha ye
He hai
Nak menimpang le padi

Semangat padi le
Aya ya ya ye

(Sumber: Tuan Haji Ismail Yusuf)

Seni kata lagu Tarian Lotah pendek.

Ha ha hai
Ha ha hai
Ha ha hai
Lotah lotah de lang le
Lemah lembut akar kayu le
Lotah de lang le
Nak mengikat batang keladi
Lotah lotah de lang le
Lembut kayu pelanto
Nak menimang padi
Semangat padi
Lotah lotah de lang le
Lotah lotah de lang le
Gunung tunggul gunung keramat
Hai ya ya ye
Dapat dilihat dari tebing tinggi
Lotah lotah de lang le
Kami di sini mengucapkan selamat
Hai ya ya ye
Pada tuan
Yang datang ke mari
Lotah de lang le
Lotah de lang le

(Sumber: Tuan Haji Ismail Yusuf)

Peralatan Persembahan dan Pakaian

Alatan-alatan yang digunakan dalam persembahan Lotah ini adalah pelantar, gemal padi, nyiru dan tikar, (sila rujuk lampiran 2). Dalam persembahan Tarian Lotah tiada pakaian khusus untuk pelaku iaitu penari yang juga penyanyi. Pakaian yang dipakai oleh mereka adalah pakaian harian. Walau bagaimanapun bagi tujuan persembahan acara rasmi, pelaku memakai pakaian baju Melayu lengkap. Jika perempuan mengenakan baju kurung lengkap.

Persembahan Lotah

Persembahan kesenian Lotah atau juga dikenali sebagai Belotah ada mirip persembahan tarian Sewang seperti yang dipersembahkan oleh orang-orang asli (temu bual, Encik

Mohammad Nasharuddin Sani, 7 Mei 2012). Penari juga bertindak sebagai penyanyi akan mengelilingi dan ‘mengirek’ gemal padi sambil menyanyi lagu Lotah secara beramai-ramai. Persembahan tari Lotah ini diadakan di atas pelantar di mana kayu susunan kayu secara bergalang di bahagian pelantar tersebut akan bergesel apabila dihentjut oleh penari. Bunyi henyutan itulah akan menghasilkan bunyi yang mengiringi nyanyian penari-penari. Pergerakan pada gerak tari semasa lagu ini dimainkan iaitu ayunan kaki dua kali ke depan dan dua kali ke belakang dan dihentjut ke pelantar padi.

Sejarah Tarian Bubu

Tarian Bubu juga dikenali sebagai Lukah Menari oleh sesetengah orang di Kampong Tanjong Bidara, Teluk Intan, Perak. Nama Bubu ini diperolehi dari penggunaan Bubu atau Lukah dalam persembahan ini. Bubu atau lukah merupakan peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada zaman dulu. Menurut Haji Ismail (Temu bual, Tuan Haji Ismail Yussuf, 26 Oktober 2011). Tarian Bubu telah dipersembahkan oleh pelaku di negeri Perak sejak 120 tahun yang lalu. Tarian ini berasal dari Kampung Tanjong Bidara, ia dipercayai mula dimainkan sejak 120 tahun lalu dan masih aktif hingga kini. Ia dipanggil Tarian Bubu kerana peralatan yang digunakan adalah bubu atau lukah. Tarian Bubu ini juga dipercayai telah diasaskan oleh seorang bomoh bernama Pandak Keladi. Sehingga hari ini Tarian Bubu sebenarnya tidak pernah berubah 100 peratus, cuma perkembangan dunia moden yang menyebabkan ia mengalami sedikit pembaharuan yang dikira tidak melanggar hukum agama Islam. Malah, persembahannya kini boleh ditemui dalam majlis keramaian termasuk pertunangan, perkahwinan dan menyambut orang kenamaan. Pandak Keladi telah memperkembangkan tarian ini hingga ke beberapa generasi.

Masyarakat Melayu pada masa dahulu sangat terkenal dengan aktiviti menangkap ikan dan pada masa itu bubu merupakan salah satu peralatan yang digunakan oleh masyarakat tradisi di dalam aktiviti tersebut. Sementara menunggu ikan masuk ke dalam bubu atau lukah, mereka akan mencipta lagu dan pantun yang menarik lalu dibentuk dalam satu kumpulan tarian dan nyanyian. Dengan cara ini mereka akan dapat menghilangkan rasa bosan mereka dan menimbulkan keseronokan sambil menunggu hasil tangkapan. Di situlah, lahirnya tarian ini yang berhubung kait dengan aktiviti ekonomi masyarakat Melayu pada ketika itu.

Seni kata Lagu Tarian Bubu

Seni kata lagu yang dinyanyikan di dalam persembahan tarian ini mengandungi unsur-unsur yang mengajak masyarakat agar jangan membuang masa. Selain dari itu lagu-lagu yang dinyanyikan ini dapat menimbulkan keseronokan bekerja. Seni kata lagu Tarian Bubu ini juga diselitkan dengan pengetahuan agama dalam kehidupan ini seharusnya berjalan berdasarkan hukum hakam Allah S. W. T. Di bawah ini adalah seni kata lagu yang mengiringi Tarian Bubu. Pada rangkap pertama, ianya dinyanyikan secara rubato atau free tempo. Setiap akhir frasa lagu, pemain rebana dan penyanyi latar bersahut. Pada rangkap kedua dan ketiga ini akan dinyanyikan dengan iringan rentak rebana dan gong. Ianya diselang-seli dengan seni kata bahasa Arab dan bahasa Melayu (Temu bual, Haji Ismail Yussuf, 26 November 2011).

Budaklah budak pergi mengaji
Lagi mendapat ..eheheh..le..lah lagi terpuji
Cukuplah Mekah pergi haji
Dapat berziarah ..eheheh..le..lah di makam nabi

Dengun dengun kumbang berdengun
Dengun pulak tangkai buluh minyak
Apé kené lokah termenung
Dengun melihat orang yang banyak

Bi'shahril ngo bil ilah qa
Badano rohol aq'la
Payaha ba zal badro'
Bizaka elmal yujla

Analisis Muzik

Analisis muzik akan menumpukan kepada penggunaan alat muzik, pola irama rentak yang mengiringi lagu tarian dan melodi. Alat muzik yang mengiringi Tarian Dabus dan Bubu ada persamaan iaitu Rebana dan Gong. Rebana yang digunakan dalam kumpulan muzik ini mempunyai rupa dan struktur seakan kompang. Ianya dalam kategori 'frame drum' (Mohd Hassan Abdullah, 2004). satu muka sahaja yang dipasang kulit kambing (temu bual, Haji Ismail Yussuf, 6 Mei 2012). Rebana ini mempunyai saiz 40 cm lebar permukaannya dan tingginya 20 cm. Sesetengah pemain muzik tempatan menamakan alat muzik ini sebagai gendang (temu bual, Encik Nasiruddin Sani, 6 Mei 2012).



Rajah 1 Menunjukkan rebana

Analisis Muzik Tarian Dabus

Menurut Mohd Azam Sulong, et al. (2011), Rentak muzik Dabus tidak mempunyai pola irama yang khas. Rentak asas muzik Dabus adalah seakan-akan rentak inang. Anak Dabus kebiasaannya memainkan detik lagu. Gong pula memberi panduan kepada pemuzik lain. Di bawah ini adalah asas rentak muzik Dabus.

The musical score consists of five staves. The first staff, 'Anak Dabus', has four notes with a 'V' above each. The second staff, 'Rebana 1', has four notes with a 'o' above each. The third staff, 'Rebana 2', has four notes with a '+' above each. The fourth staff, 'Rebana 3', has four notes with a '+' above each. The fifth staff, 'Gong', has four notes with a 'V' above each. The notes are connected by horizontal lines, indicating a continuous rhythm.

+Pak
o Bung

Rajah 2 Menunjukkan pola irama asas dalam Tarian Dabus


Alat Muzik Dabus

Alat muzik permainan Dabus adalah Gong, Rebana Dabus dan Anak Dabus, (Sila lihat lampiran i.i hingga 1.3). Gong berperanan memainkan penanda tempo. Setiap gerak geri penari berpandukan paluan gong. Rebana Dabus banyak mempengaruhi penari. Kebiasaannya sebanyak empat hingga lima buah Rebana Dabus digunakan dalam sesebuah persembahan. Anak Dabus pula dimainkan oleh penari. Ianya dipegang oleh penari menggunakan kedua-dua belah tangan. Anak Dabus dimainkan tempo sesebuah lagu. Anak Dabus digunakan untuk mencucuk pada tangan penari. Anak Dabus mampu mengeluarkan bunyi dari cincin atau gegelang besi apabila digoyang semasa penari menggerakkan tangan.



Rajah 3 Menunjukkan Anak Dabus

Keratan skor di bawah ini adalah menunjukkan variasi pola irama yang dimainkan oleh penari sambil mengocangkan Anak Dabus.



Rajah 4 Variasi 1, Variasi 2, Variasi 3

Lagu Tarian Dabus dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (1) segmen pertama: nyanyian pembukaan (doa selamat) dan (2) segmen kedua: nyanyian tarian. Ia sama seperti lagu-lagu tarian zapin di mana pembukaan persembahannya dimulakan dengan taksim atau yalil yang dimainkan oleh gambus. Seperti lagu Tarian Dabus, persembahan ini akan dibuka oleh penyanyi solo yang dinyanyikan secara rubato dengan menggunakan elemen melodi dari Arab. Penyanyi solo akan menyanyikan 4 bar frasa melodi yang diulang sebanyak 4 kali. Pada setiap 1 frasa, penyanyi korus akan menyahut nyanyian penyanyi solo sebanyak 4, 6 atau 8 bit dengan perkataan Allah pada frasa pertama dan Ya Rasullulah pada frasa kedua. Bagi memulakan nyanyian tarian, sekali lagi penyanyi solo berperanan untuk memulakannya dan kemudiannya penyanyi korus akan menyanyikan bersama-sama pada bar kedua, bit kedua. Lihat keratan skor di bawah ini.

P. Solo

za man ber za man... Ya Ra sul lul ah... Za man Na... bi di Ta nah Me. kah...

P. Korus

Rajah 5 Menunjukkan segmen kedua

Rentak dan Tempo

Di awal lagu ini, tempo yang dimainkan adalah secara rubato. Tiada pola ritma tertentu yang dimainkan. Tetapi apabila penyanyi solo menghabiskan nyanyian setiap 4 bar frasa, penyanyi korus akan menyahut nyanyian penyanyi solo dengan di iringi oleh paluan rebana dan gong yang dimainkan secara tremolo selama 4 atau 6 bit. Setelah nyanyian pembukaan selesai, penyanyi solo akan memulakan lagu dengan kelajuan tempo bersamaan 70 krocet per minit. Tarian Dabus mempunyai rentaknya tersendiri. Terdapat 2 jenis rentak yang dimainkan oleh rebana iaitu paluan asas dan meningkah. Lihat keratan skor di bawah ini.

Rajah 6 Menunjukkan permulaan lagu dalam tempo Rubato

Terdapat juga unsur anakrusis pada paluan ini untuk mengiringi nyanyian bersama paluan rebana. Ianya berlaku pada permulaan lagu sahaja. Lihat keratan skor di bawah ini.

Rajah 7 Menunjukkan pick-up bar atau anakrusis


Pola irama

Pola irama bagi melodi Dabus banyak menggunakan krocet, kuaver bertitik, kuaver dan semikuaver. Ritma melodi Dabus ini mudah dihafal kerana ia menggunakan pola irama yang berulang. Lihat semi frasa kedua, ia adalah pengulangan pola irama dari semi frasa pertama tetapi terdapat sedikit perubahan untuk menyesuaikan lirik. Lihat keratan skor di bawah ini.

Rajah 8 Menunjukkan perubahan pada motif asal

Melodi

Elemen melodi berkait rapat dengan susunan pola irama dan *pic*. Melodi Dabus terhasil dengan pergerakan melodi secara urutan (*step wise*). Hanya beberapa tempat sahaja melodi lompatan (*leap*) terhasil iaitu di awal permulaan melodi dan pada semifrasa kedua. Ia menggunakan lompatan jeda perfek 4 di awal melodi, kemudian bergerak secara urutan menaik dan menurun pada semi frasa pertama. Pada semifrasa kedua pula, melodi bergerak secara menaik dan menurun menggunakan lompatan major 3 ke bawah serta minor 3 ke atas dan ke bawah untuk kembali ke tonik iaitu G. Lihat keratan skor di bawah ini.



Rajah 9 Menunjukkan perkembangan melodi

Ornamentasi


Lagu ini banyak menggunakan ornamentasi seperti *trill*, portamento dan *modent up or down*. Penggunaan ornamen selalunya mengikut gaya nyanyian dan kreativiti seseorang penyanyi. Malah penyanyi bebas memasukan gaya ornamen mengikut kesesuaian sesuatu frasa melodi tersebut. Ornamen *trill* dan *modent* selalunya digunakan pada notasi yang panjang. Jika terdapat notasi lompatan pula, ornamen portamento juga boleh digunakan. Contoh berikut menunjukkan frasa yang dinyanyikan oleh Kumpulan Kesenian Tradisional Dabus, Kampung Tanjung Bidara, Kampung Gajah.



Rajah 10 Menunjukkan contoh ornamentasi stail nyanyian dalam lagu Tarian Dabus

Anakrusis


Anakrusis melodi lagu Tarian Dabus bermula pada tekanan atas bit ke 2. Ia menggunakan nota kuaver yang bergerak secara lompatan perfek ke-4 untuk bit ke 3.



Rajah 11 Menunjukkan pick-up bar atau anakrusis

Julat atau Renj

Melodi Dabus berada di dalam renj satu oktaf sahaja iaitu nota paling rendahnya ialah D dan paling tinggi pula ialah D oktaf.



Rajah 12 Menunjukkan renj dalam lagu Tarian Dabus

Skel

Melodi Dabus terbentuk menggunakan skel natural minor. Namun terdapat penggunaan skel harmonic minor pada akhir frasa.

Kontur Melodi

Pergerakan secara menaik dan menurun banyak digunakan di dalam melodi Dabus. Ia jelas sekali di lihat pada frasa pertama di mana nota D bergerak secara urutan menaik sehingga ke D oktaf dan menurun semula ke nota A juga secara urutan. Pada semi frasa kedua permulaan frasanya agak mendatar kerana pergerakan notasinya agak terhad iaitu dari nota G ke nota A dan melompat ke jeda major 3 ke bawah sebelum ia naik semula ke nota G. Pada akhir frasa barulah ia bergerak secara menaik dan menurun iaitu dari nota A melompat ke C (jeda minor 3) dan menurun semula ke nota G secara lompatan menggunakan jeda minor ke-3.



Rajah 13 Menunjukkan Kontur Melodi dalam lagu Tarian Dabus

Bentuk (form)

Bentuk Tarian Dabus adalah bentuk strofik. Ini kerana melodi Dabus terdiri daripada dua frasa sahaja yang diulangi sehingga tarian selesai.

Motif

Terdapat dua motif utama iaitu a dan b. Kedua-dua motif ini dibentuk dengan menggabungkan ritma kuaver bertitik, semikuaver dan kuaver serta krocet untuk


menjadi semi frasa. Kedua-dua motif ini diulang pada semi frasa kedua dengan sedikit perbezaan dari segi ritma dan pic. Lihat contoh keratan skor di bawah ini.



Rajah 14 Menunjukkan perkembangan motif dalam lagu Tarian Dabus

Frasa

Frasa melodi lagu Tarian Dabus adalah berbentuk pengulangan dengan sedikit modifikasi untuk menyesuaikan lirik dalam melodi. Modifikasi terjadi kerana terdapat lirik yang melebihi daripada suku kata yang sepatutnya dan ia memerlukan sedikit penambahan ritma. Setelah kajian dibuat, penulis mendapati melodi ini terdiri daripada dua frasa yang utama dan frasa ini akan diulangi menjadi bentuk strofik. Setiap frasa yang diulang akan terdapat sedikit perbezaan dari segi pola irama apabila ia menggunakan lirik yang berbeza.



Rajah 15 Menunjukkan contoh frasa dalam lagu Tarian Dabus

Contoh frasa yang diubah untuk kesesuaian seni kata oleh penyanyi.



Rajah 16 Menunjukkan contoh frasa dalam lagu Tarian Dabus

Analisis Muzik Tarian Bubu

Alat yang digunakan dalam muzik Tarian Bubu adalah sama dengan Tarian Dabus kecuali Anak Dabus. Lagu yang digunakan juga adalah sama. Yang membezakan adalah seni kata (temu bual, Mohammad Nasiruddin Sani, 6 Mei 2012). Corak pola irama bagi alat Rebana dan Gong.

Rebana 1

Rebana 2

Rebana 3

Gong

+ Pak
o Bung

Rajah 17 Menunjukkan pola irama asas dalam Tarian Bubu

Gaya penyampaian lagu Tarian Bubu hampir sama dengan Tarian Dabus iaitu dari segi bentuknya (form). Lagu ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu nyanyian pembukaan (doa selamat) dan nyanyian tarian. Irama nyanyian pembukaan hampir sama dengan Tarian Dabus kerana ia menggunakan elemen melodi Arab. Selain itu, ia juga terdapat unsur sahutan di antara penyanyi solo dan penyanyi korus. Rentak yang dimainkan oleh pemain rebana juga adalah sama dengan rentak Tarian Dabus. Seperti Tarian Dabus, nyanyian pembukaan dinyanyikan secara rubato. Penyanyi solo akan menyanyikan 4 bar frasa melodi yang diulang sebanyak 4 kali dengan lirik yang berbeza. Pada setiap 1 frasa, penyanyi korus akan menyahut nyanyian penyanyi solo sebanyak 4, 6 atau 8 bit dengan perkataan Allah pada frasa pertama dan Ya Rasullulah pada frasa kedua. Begitu juga dengan frasa ketiga dan empat. Lihat keratan skor lagu di bawah ini.

P.Solo

P.Korus

De ngung de ngung kum bang ber de ngung de ngung pu... la pa kai bu luh minyak A pe ke

Rajah 18 Menunjukkan contoh frasa dalam Tarian Bubu

Bagi memulakan nyanyian tarian, sekali lagi penyanyi solo berperanan untuk memulakannya dan kemudiannya penyanyi korus akan menyanyikan bersama-sama pada frasa kedua. Lihat keratan skor lagu di sebelah,

The image shows a musical score for two parts: P.Solo and P.Korus. Both parts are written in a single system with a treble clef and a key signature of two flats (B-flat and E-flat). The lyrics are written below the notes: "ne lokah ter me nung me nung me li hat o rang yang ba nyak". The P.Solo part has a melodic line with some grace notes, while the P.Korus part provides a harmonic accompaniment.

Rajah 19 Menunjukkan contoh frasa kedua dalam lagu Tarian Bubu

Rentak dan Tempo

Di awal lagu ini, tempo yang dimainkan adalah secara rubato. Tiada pola ritma tertentu yang dimainkan tetapi apabila penyanyi solo menghabiskan nyanyian setiap 4 bar frasa, penyanyi korus akan menyahut nyanyian penyanyi solo dengan diiringi oleh paluan rebana dan gong yang dimainkan secara tremolo selama 4 atau 6 bit. Setelah nyanyian pembukaan selesai, penyanyi solo akan memulakan lagu dengan kelajuan tempo bersamaan 80. Rentak Tarian Bubu adalah sama dengan Tarian Dabus. Terdapat dua jenis rentak yang dimainkan oleh rebana iaitu paluan asas dan meningkah. Lihat keratan skor lagu di bawah ini.

The image shows a musical score for three instruments: Rebana I, Rebana II, and Gong. The tempo is marked as 70. Rebana I is labeled "Paluan meningkah" and plays a rhythmic pattern of eighth notes with grace notes. Rebana II is labeled "Paluan asas" and plays a simpler rhythmic pattern of quarter notes. The Gong plays a steady, rhythmic pattern of quarter notes.

Rajah 20 Menunjukkan tempo dalam paluan asas alat muzik Rebana I, II dan Gong

Terdapat juga unsur anakrusis pada paluan ini untuk mengiringi nyanyian bersama paluan rebana. Ianya berlaku pada permulaan lagu sahaja. Sila lihat contoh keratan skor lagu di bawah ini.

The image shows a musical score for three instruments: Rebana I, Rebana II, and Gong. The tempo is marked as 70. Rebana I is labeled "Anakrusis" and plays a rhythmic pattern of eighth notes with grace notes. Rebana II plays a simpler rhythmic pattern of quarter notes. The Gong plays a steady, rhythmic pattern of quarter notes.

Rajah 21 Menunjukkan unsur anakrusis dalam lagu Tarian Bubu

Pola Irama


Melodi Tarian Bubu di dominasi oleh pola irama krocet dan kuaver. Silat lihat contoh keratan skor di bawah ini.



Rajah 22 Menunjukkan jenis-jenis not dalam lagu Tarian Bubu

Melodi


Melodi Tarian Bubu terhasil dengan pergerakan melodi secara mendatar, urutan dan lompatan. Melodinya bermula dengan nota C yang bergerak secara mendatar sebelum ia membuat lompatan ke jeda perfek 4 ke bawah pada bit ke 2. Melodi ini kemudiannya bergerak secara urutan menaik dan menurun. Ia sekali lagi membuat lompatan ke jeda major 3 ke bawah pada bit ke 4 untuk menjadikan ia semifrasa yang pertama. Semi frasa kedua juga bermula dengan pergerakan secara mendatar dan kali ini pada nota G. Melodi ini kemudiannya bergerak secara menaik dan menurun untuk mengakhiri semi frasa kedua. Semi frasa kedua ini merupakan pengulangan dari semi frasa pertama dengan sedikit modifikasi dari segi ritma dan pic.



Rajah 23 Menunjukkan pergerakan melodi dalam lagu Tarian Bubu

Ornamentasi


Ornamen yang digunakan dalam lagu Tarian Bubu ialah appoggiatura, portamento dan modent up or down.



Rajah 24 Menunjukkan contoh ornamentasi stail nyanyian dalam lagu Tarian Bubu

Anakrusis


Anakrusis melodi Tarian Bubu terletak pada tekanan atas bit kedua. Menggunakan nota kuaver dan krocet pada bit ke 3 dan 4.



Rajah 25 Menunjukkan pick-up bar atau anakrusis dalam lagu Tarian Bubu

Julat atau Renj


Melodi Tarian Bubu berada di antara renj perfek 5 sahaja iaitu nota paling rendahnya ialah F dan paling tinggi pula ialah C.



Rajah 26 Menunjukkan Renj dalam lagu Tarian Bubu

Skel


Melodi lagu Tarian Bubu dibentuk menggunakan skel natural minor. Sila lihat contoh keratan skor dalam skala G natural minor di bawah ini.



Rajah 27 Menunjukkan skel natural minor tanda nada G dalam lagu Tarian Bubu

Kontur Melodi

Kontur melodi bagi Tarian Bubu ialah mendatar serta menaik dan menurun. Kontur melodi di antara kedua-dua semi frasa adalah sama tetapi menggunakan nada yang berbeza. Sila lihat contoh keratan skor di bawah ini.



Rajah 28 Menunjukkan Kontur Melodi lagu Tarian Bubu

Bentuk

Melodi lagu Tarian Bubu terdiri daripada dua frasa yang diulangi sehingga tarian selesai. Bentuk seperti ini dikenali sebagai bentuk strofik.

Motif

Terdapat dua motif utama iaitu a dan b. Motif a menggabungkan satu kuaver dan tiga krocet manakala motif b menggabungkan dua kuaver dan tiga krocet untuk menghasilkan semifrasa pertama. Pada semi frasa kedua ini, teknik pengulangan semi frasa dengan modifikasi digunakan bagi melengkapkan ia menjadi satu frasa. Sila lihat contoh keratan skor di bawah ini.



Rajah 29 Menunjukkan motif-motif dalam lagu Tarian Bubu

Frasa

Frasa melodi lagu Tarian Bubu terdiri daripada empat bar frasa. Frasa ini boleh dibahagikan kepada dua bar semi frasa. Semi frasa kedua merupakan pengulangan semi frasa pertama tetapi dengan sedikit modifikasi dari segi ritma dan pic.



Rajah 30 Menunjukkan semi frasa yang membentuk frasa dalam lagu Tarian Bubu


Terdapat sedikit modifikasi pada frasa kedua melodi ini untuk menyesuaikan suku kata lirik dan ritma. Sila lihat contoh keratan skor di bawah ini.



Rajah 31 Menunjukkan frasa kedua yang diubah dalam lagu Tarian Bubu

Analisis Muzik Tarian Lotah

Tarian Lotah tidak menggunakan sebarang alat muzik. Muzik terhasil bunyi pelantar Lotah yang diperbuat buluh dan tiang berlaga-laga dari aktiviti tarian oleh penari dan penyanyi Lotah. Pada asasnya rentak yang terhasil dari aktiviti itu adalah seperti berikut:



Rajah 32 Menunjukkan pola irama asas dalam Tarian Lotah yang terhasil dari pelantar Lotah dan pengandar apabila dihinyuk oleh penari dan penyanyi Lotah

Analisis Teks

Penganalisan teks dalam kajian ini berfokus kepada gaya bahasa perbandingan dan unsur bunyi yang terdapat dalam seni kata dalam lagu tarian yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, seni kata lagu Tarian Dabus, Bubu dan Lotah akan dianalisis. Pengkaji juga akan melihat unsur-unsur mentera dan pantun yang digunakan dalam persembahan tarian ini. Kebiasaannya mentera menggunakan bahasa konotatif yang sukar difahami. Namun keunikannya terletak kepada unsur bunyi yang terhasil apabila mentera ini dinyanyikan atau diungkapkan. Mentera yang dibaca pada Anak Dabus menggunakan bahasa konotatif, sukar difahami dan mempunyai maksud tersirat. Menurut Harun Mat Piah (2006), seni kata atau lirik bagi lagu-lagu tradisional atau lagu-lagu rakyat banyak yang lahir melalui persembahan seni yang mempunyai konotasi magis.

Sebelum memulakan persembahan Tarian Dabus, Anak Dabus yang akan digunakan akan dimentera untuk menghilangkan bisanya. Menteranya berbunyi seperti berikut:

Salelah mahkota alam
Bukit Samat kubu Aulia
Dituntut besi yang tajam
Buat penawar besi yang bisa

Penggunaan pantun dalam seni kata lagu tarian-tarian di negeri Perak begitu sinonim penggiat seninya. Pantun dalam seni kata lagu Tarian Dabus menggunakan rima yang sangat tipikal dengan pantun lama. Sila lihat sebahagian seni kata lagu Tarian Dabus di bawah ini.

Baju putih serban putih,
Lalu dibawé pergi sembahyang,
Allah kasih Muhammad kasih,
Rasulullah terlalu sayang.

Tuan Haji berbaju jubah,
Pergi ke padang berburu rusé,
Orang mengaji memuji Allah,
Orang sembahyang mengampun dosé.

Tetak tebu kilaskan dayung,
Hendak mendayung selat Melaké,
Tuntut ilmu buatkan payung,
Buat melindungi api neraké.

Selain daripada pantun, gurindam juga diadaptasikan dalam lagu Tarian Lotah.

Amboi aya ya ya ye
Lemah lembut ha hai ha ha
Kayu dan akar le....
Aya ya ya ye....
Ha Hai...
Nak mengikat batang padi
Ha ha ha ha dalam padi
Aya ya ya ye
Amboi lemah lembut le
Ha hai kayu pelanto
Ha ha ha ye
He hai
Nak menimpang le padi
Semangat padi le
Aya ya ya ye

Gaya Bahasa dalam Seni kata Lagu Muzik Tradisi Tarian Dabus, Bubu dan Lotah

Secara umum, bahasa yang digunakan dalam seni kata lagu merupakan bahasa artifisial. Ianya memberi sebuah pengertian yang besar kepada seseorang penulisnya dan pengemarnya. Bahasa artifisial banyak digunakan dalam lirik lagu. Menurut Gorys Keraf (2007), bahasa artifisial adalah bahasa yang disusun secara seni. Bahasa yang artifisial tidak terkandung dalam kata yang digunakan sehari-hari tetapi pemakaiannya untuk menyatakan sesuatu maksud yang tersendiri. Dalam puisi atau prosa seni kata memang perlu dipersembahkan dengan bahasa yang indah.

Dalam kajian ini, setiap penggunaan kata-kata yang disampaikan secara nyanyian, seloka, mentera akan dianalisis aspek gaya bahasa perbandingan dan unsur bunyi. Menurut Atmazaki (1991) aspek gaya bahasa perbandingan merangkumi aspek simile, metafora, personifikasi, hiperbola, lambang, imejan, alusi, invensi, anofora, ironi, paradok dan epitora mana kala unsur bunyi meliputi diksi rima akhir, asonansi dan aliterasi (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2007). Penggunaan bahasa kiasan biasanya akan menguatkan lagi penekanan kepada makna (Johari Jonid, 2004).

Rima dalam mentera ini seakan pantun Cuba lihat pada setiap akhir setiap baris.

Salelah mahkota alam
Bukit Samat kubu Aulia
Dituntut besi yang tajam
Buat penawar besi yang bisa

Seni kata lagu yang dinyanyikan dalam Tarian Dabus masih menggunakan kata-kata berkonsepkan pantun. Antaranya adalah:

Baju putih serban putih
Lalu dibawa pergi sembahyang
Allah kasih Muhamad kasih
Rasulullah terlalu sayang

Konsep pantun jugak boleh didapati dalam lagu Tarian Bubu. Sila rujuk keratan seni kata di bawah ini.

Dengun dengun kumbang berdengun
Dengun pulak tangkai buluh minyak
Apé kené lokah termenung
Dengun melihat orang yang banyak

Metafora bermakna mengiaskan secara langsung dengan menyamakan (dalam imaginasi) sesuatu benda atau objek dengan suatu objek yang lain, dan dengan itu memindahkan sifat atau sejumlah sifat daripada objek pertama kepada objek keduanya. Simile pula ialah perbandingan atau kiasan terus dua objek yang mempunyai sifat, makna atau nilai yang sama. Simile biasanya menggunakan perkataan seperti, bagai, umpama atau laksana (Muhamad Salleh, 1986). Di dalam seni kata lagu Tarian Dabus, metafora digunakan menggambarkan kehebatan sifat seseorang dengan objek di bumi. Sila rujuk pada keratan seni kata di bawah:

Salelah mahkota alam
Bukit Samat kubu Aulia
Dituntut besi yang tajam
Buat penawar besi yang bisa

Menurut Mohd Hassan Abdullah, et. al (2009) gaya bahasa dalam loghat negeri Perak banyak merujuk kepada fonem 'r' yang diucapkan seperti fonem Arab 'ghain'. Di daerah Parit, fonem 'a' dalam suku kata hidup pada akar perkataan diucapkan sebagai e taling (é) seperti contoh 'apa' menjadi 'apé'. Loghat atau dialek yang dimaksudkan ini dapat dilihat pada diksi sebutan mahupun penggunaan struktur ayat yang dipengaruhi oleh tatabahasanya. Loghat ini memberikan keistimewaan dan kelainan terhadap lagu-lagu yang dinyanyikan dalam muzik Tarian Dabus, Bubu dan Lotah.

Cuba perhatikan dalam lagu yang dinyanyikan dalam mengiringi Tarian Lotah.

Aya ya ya yé
Amboi lemah lembut lé
Ha hai kayu pelantó
Ha ha ha yé
He hai
Nak menimpang lé padi
Semangat padi lé
Aya ya ya yé

Penggunaan loghat Perak dapat dilihat juga seni kata lagu Tarian Bubu di bawah ini.

Apé kené lokah termenung

Perhatikan seni kata lagu Tarian Dabus di bawah ini.

Baju putih serban putih,
Lalu dibawé pergi sembahyang,
Allah kasih Muhammad kasih,
Rasulullah terlalu sayang.

Tuan Haji berbaju jubah,
Pergi ke padang berburu rusé,
Orang mengaji memuji Allah,
Orang sembahyang mengampun dosé.

Tetak tebu kilaskan dayung,
Hendak mendayung selat Melaké,
Tuntut ilmu buatkan payung,
Buat mendinding api neraké.

Adam Siti HawéDatuk nenek moyang kité Mati di Jedah di luar koté Batu nisannya
berjanjar tigé. Banyak hari perkaré hari

Aliterasi

Aliterasi ialah sejenis gaya bahasa pengulangan bunyi konsonan yang sama pada awal kata dan yang bertuturan dalam puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden, prosa moden kreatif atau bukan kreatif. Menerusi lagu Tarian Dabus, cuba perhatikan gaya bahasa pengulangan bunyi konsonan yang sama. Pengulangan ini menghasilkan bunyi yang sangat indah apabila dinyanyikan.

Banyak hari perkaré hari Hari Jumaat yang sebenar hari Banyak nabi perkara nabi
Nabi Muhammad sebenar nabi

Cuba lihat aliterasi dalam seni kata lagu Tarian Bubu ini.

Dengun dengun kumbang berdengun
Dengun pulak tangkai buluh minyak
 Apé kené lokah termenung
Dengun melihat orang yang banyak

Dalam lagu Tarian Lotah pula boleh ditelitikan unsur aliterasi berlaku seperti berikut:

Amboi lemah lembut le
Ha hai kayu pelanto
Ha ha ha ye
He hai

Asonansi

Asonansi ialah sejenis gaya bahasa pengulangan bunyi vokal yang sama pada setiap baris atau pada setiap ayat. Cuba perhatikan keratan seni kata dalam lagu Tarian Lotah di bawah ini.

<u>A</u> ya ya ya ye	Pengulangan vokal <u>a</u> dan <u>e</u>
Lemah lembut	
<u>H</u> a <u>h</u> ai <u>h</u> a <u>h</u> a	Pengulangan vokal <u>a</u>
Kayu dan akar <u>l</u> e....	Pengulangan vokal <u>a</u> dan <u>e</u>
<u>A</u> ya ya ya ye....	Pengulangan vokal <u>a</u> dan <u>e</u>
<u>H</u> a <u>h</u> a <u>h</u> a ye	Pengulangan vokal <u>a</u> dan <u>e</u>
<u>H</u> e <u>h</u> ai	Pengulangan vokal <u>e</u> dan <u>i</u>

Anafora

Anafora ialah sejenis gaya bahasa pengulangan, iaitu pengulangan perkataan pertama pada setiap baris atau setiap ayat. Pada lagu ini terdapat beberapa unsur anafora. Sila lihat seni kata lagu Tarian Dabus di bawah ini.

Banyak hari perkara hari Hari Jumaat yang sebenar hariBanyak nabi perkara nabi Nabi Muhammad sebenar nabi

He Allah he Allah, Hodal hema khey a maulai, He Allah he Allah, Lana mahbud se wa Allah. Mura di seng Allah mura diseng, Kama la izin Allah mura di, Mura di yah Allah mura di yah, Kama la izin Allah mura di.

Tuan Haji berbaju jubah,
Pergi ke padang berburu rusa,
Orang mengaji memuji Allah,
Orang sembahyang mengampun dosa.

Unsur pengulangan anafora ini juga boleh diperhatikan dalam keratan seni kata lagu Tarian Lotah.

Ha ha hai
Ha ha hai
Ha ha hai

Lotah lotah de lang le
Lotah lotah de lang le

Fungsi Persembahan

Setiap aktiviti dan persembahan kesenian rakyat tradisi setempat terbentuk mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan masyarakat setempat. Keperluan sosio-budaya memungkinkan persembahan kesenian rakyat ini menjadi rutin kehidupan. Oleh kerana itu, setiap persembahan yang terhasil dalam sesebuah masyarakat mempunyai fungsi-fungsi tersendiri.

Persembahan Tarian Dabus

Tarian Dabus dipersembahkan dalam sesebuah masyarakat sebagai hiburan selepas mereka penat berkerja seharian. Persembahan dibuat pada waktu malam selepas selesai sembahyang Isyak. Ini kerana pada masa itu alat-alat hiburan begitu terhad dan tidak mempunyai pilihan. Tujuan utama adalah mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara mereka. Tarian Dabus saat ini dipersembahkan hanya untuk acara rasmi, pertunangan, hari keluarga, hari penyampaian hadiah sekolah dan perkahwinan (Temu bual dengan Haji Ismail Yussuf pada 26 November 2011).

Persembahan Tarian Bubu

Pada masa dahulu, mereka menjadikan Tarian Bubu sebagai hiburan selepas penat berkerja seharian kerana pada masa itu alat-alat hiburan begitu terhad dan tidak mempunyai pilihan. Biasanya, tarian ini dipersembahkan pada waktu malam. Ada masanya ketika mereka tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan, mereka akan berkumpul beramai-ramai dan memainkan Tarian Bubu ini. Ini akan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara mereka. Kini Tarian Bubu dipersembahkan hanya untuk acara rasmi dan perkahwinan (Temu bual dengan Haji Ismail Yussuf pada 26 November 2011).

Persembahan Tarian Lotah

Persembahan Tarian Lotah pada masa dahulu adalah bertujuan untuk berhibur setelah penat berkerja seharian dibidang padi. Kini, persembahan Tarian Lotah jarang diadakan memandangkan pelantar sudah tiada di kampung-kampung. Kos membina sebuah pelantar memerlukan pembelanjaan yang mahal. Bagi tujuan dokumentasi dan pertunjukkan, persembahan Tarian Lotah akan diadakan di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Sebuah pelantar untuk persembahan Lotah ada tersedia di kompleks ini (Temu bual dengan Haji Ismail Yussuf pada 26 November 2011).

Cadangan Kajian Akan Datang

Secara umumnya hasil kajian ini nanti dapat dijadikan panduan untuk generasi akan datang untuk mempelajari muzik yang mengiringi tarian-tarian di negeri Perak. Gabungan seni suara, permainan alat muzik rebana dan gong serta gerak tari menghasilkan satu karya seni yang tiada tara nilainya. Pendokumentasian ini mampu dirujuk oleh peminat seni budaya, penyelidik dan penuntut-penuntut baik sekolah mahupun pusat pengajian tinggi. Satu masa nanti dokumen ini menjadi satu dokumen yang sangat penting dan sangat berharga. Persembahan Tarian Lotah pula dianggap satu-satunya kesenian yang masih wujud di negeri Perak dan ianya tidak terdapat di negeri lain. Oleh itu penyelidikan yang terperinci perlu dijalankan perlu dijalankan supaya kesenian ini terus segar sebagai kesenian ulung di negeri Perak. Kajian dan penulisan ini dihasilkan atas kesedaran bahawa peralatan muzik yang telah diterima sebagai alat muzik tradisional Melayu ini perlu dipelihara dan dibangunkan agar generasi seterusnya dapat mengenali dan menghargai keseniannya. Hasil kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh generasi seterusnya dalam melestarikan satu bentuk kesenian yang amat tinggi nilainya. Adalah diharapkan perkembangan seni muzik ini tidak terhenti dan ada generasi baru yang terus menggalas tanggungjawab untuk melestarikan bentuk kesenian muzik ini. Oleh itu penyelidikan perlu terus dijalankan dan peluang-peluang perlu disediakan untuk para pelajar dan pengkaji meneruskan hasrat murni tersebut. Hasil kajian ini bolehlah dilanjutkan kajian-kajian yang bersifat pembangunan produk seperti berikut:

- a. Menghasilkan rakaman multi-tracking yang mempunyai standard piawai penyiaran dari segi audio dan visual,
- b. Menghasilkan nota muzik lengkap yang disertakan keratan audio dan visual,
- c. Menghasilkan bahan multimedia berinteraktif,
- d. Menghasilkan konsert khas yang menggabungkan tarian dan muzik yang menggunakan penari dan pemuzik professional untuk pembesar negeri.
- e. menghasilkan modul bagi pengajaran dan pembelajaran ketiga-tiga ensemble muzik yang mengiringi tarian di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi awam dan swasta di negeri Perak sama ada kurikulum ataupun ko-kurikulum.

Kajian selanjutnya perlu diteruskan untuk mengupas hubungan muzik, tarian dan sosio budaya. Kajian ini boleh diutarakan ke Kerajaan Negeri Perak untuk mendapat geran dan dana pembiayaan.

Kesimpulan

Alat-alat muzik yang digunakan dalam persembahan muzik Tarian Bubu dan Dabus adalah rebana dan gong. Rebana ini juga dipanggil gendang oleh pemain muzik setempat. Rebana dimainkan menghasilkan dua warna ton iaitu 'Pak' dan 'Bung'. Ketiga-tiga persembahan ini mempunyai dua bahagian segmen. Pada segmen pertama merupakan nyanyian secara *rubato* atau *free-tempo*. Ia juga dikenali sebagai 'Yalil'¹. Pengaruh stail nyanyian Arab jelas diperolehi dari segmen pertama. Unsur-unsur melismatik dan ornament diimplementasikan dalam nyanyian lagu-lagu tarian yang dinyatakan di atas. Segmen kedua mempunyai rentak dengan tempo yang tekal dengan nyanyian secara solo dan bersahutan (*call and respond*) oleh pemain-pemain muzik yang lain. Dalam segmen kedua, bentuk ketiga-tiga muzik tari adalah strofik. Melodi yang diulang-ulang dengan senikata yang berbeza. Muzik Tarian Dabus dan Bubu mempunyai sub-segmen iaitu Coda. Dalam bahagian ini Rebana dan Gong sahaja yang dimainkan sebanyak 4 bar. Fungsinya adalah untuk menamatkan sesebuah persembahan Tarian Bubu dan Dabus mempunyai persamaan dari segi permainan rebana dan gong. Segmen struktur dan bentuk muzik seakan sama tetapi berbeza dari segi penambahan melodi dan seni katanya. Dalam Tarian Dabus, Anak Dabus menghasilkan irama tersendiri dari cincin atau gegelang besi. Anak Dabus ada kalanya memainkan detik lagi. Semasa segmen penari menikam Anak Darus ke lengan, ianya menghasilkan bunyi yang seakan trill. Tarian Lotah tidak menggunakan sebarang alat muzik tetapi bunyi yang terhasil dari lantai pelantar yang dipijak oleh penari dan penyanyi menghasilkan rentak yang tersendiri. Muzik Dabus dan Bubu berbeza dari segi struktur melodinya tetapi ada persamaan dari segi rentak yang dimainkan oleh pemain rebana dan gong. Muzik Tarian Lotah hanya menggunakan nyanyian dan bunyi-bunyi yang terhasil dari ayunan pelantar lotah yang diperbuat daripada buluh.

Endnotes

- ¹ Merujuk kepada gaya nyanyian *rubato* dalam persembahan gambus. Jika gambus dimainkan secara *free-tempo* ini dipanggil 'Taksim' dalam nyanyian gaya ini dipanggil 'Yalil'. Sumber: Encik Mohd Nizam Attan.

Rujukan

- Abdul Rahman Al-Ahmadi, (2004). *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Blacking, J., (1973). *How Musical is Man?* Seattle and London: University of Washington Press.
- Blume, J. (2003). *Inside Songwriting*. New York: Billboard Books.
- Braheny, J., (1998). *The Craft and Business of Song Writing*. Ohio: Writer's Digest Books.
- Burns, R. B. (1995). *Introduction to Research methods. 2nd Edition*. Melbourne: Longman Australia Pty Ltd.
- Cox, T. (2000). *You Can Write Song Lyrics*. Ohio: F&W Publications.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 2nd Edition. California: SAGE.
- Davis, S. (1985). *The Craft of Lyric Writing*. Ohio: Writer's Digest Books.

- Harun Mat Piah (2006). Magis dan implikasinya dalam Lagu-lagu Tradisional Melayu (ms 27–44) dalam Lagu Rakyat: Memupuk Kesantunan Melayu, penyelenggara Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hoffer, C. R. (1995). *The understanding of music*. Edition kelima. California: Wadworth Publishing Company.
- Johari Jonid (2004). Penggunaan metafora dan simile dalam lirik lagu Melayu. Hasil Kajian Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamien, R. (1996). *Music an appreciation*. 6th Edition. New York: The McGraw-Hill Companies, Inc.
- Merriam, A. P. (1964). *The anthoropology of music*. Evanston, Illinois: Northwestern University Press.
- Miles, M., B., & Huberman, A., M. (1992). *Analisis data kualitatif*. Terjemahan oleh Tjetjep Rohendi Rohidi. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Mohd Azam Sulong & Mohd Nizam Attan (2009). *Gambus masyarakat Brunei Sabah*. Kajian tidak diterbit. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia (JMM).
- Mohd Azam Sulong, Pravina Manoharan & Raja Azuan Nahar Raja Adnan (2011). *Muzik Tradisional*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Mohd Hassan Abdullah (2004). *Kompang: An organological and ethnomusicological Study of a Malay frame drum*. Tesis PhD tidak diterbitkan. Newcastle: The University of Newcastle Upon Tyne.
- Mohd Hassan Abdullah, Mohd Nizam Nasrifan, Mahayuddin Abdul Rahim & Nor Azman Mohd Ramli (2009). Lagu *kanak-kanak Melayu tradisional: Koleksi, analisis dan aplikasi dalam pendidikan muzik*. Hasil kajian tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Mohd. Ghouse Nasuruiddin, (1994). *The Malay traditional music*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nettl, B. (1956). *Music in primitive culture*. Cambridge: Harvard University Press.
- Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1995). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).
- Matusky P. & Tan, S. B. (1997). *Muzik Malaysia: Tradisi klasik, rakyat dan sinkretik*. The Asian Centre, Pulau Pinang.
- Pattison, P. (1995). *Writing better lyrics*. Ohio: Writer's Digest Books.
- Tarian Dabus* (2012). Diperoleh pada 15 Julai 2011. <http://tarianDabus.blogspot.com/search/label/Peralatan%20Persembahan>
- Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid (2006). Pemulihan Lagu-lagu Rakyat Tradisional Melayu: Pengalaman Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (ms 290-302) dalam Lagu Rakyat: Memupuk Kesantunan Melayu, penyelenggara Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tjetjep Rohendi Rohidi, Mohd Azam Sulong, Roskang Jailani, Ahmad Fuaad Dahalan, Mohd Ramli Buyong Kahar, Abu Bakar Sabran, Iberahim Hassan, Abdul Halim Husain, Mat Rasul Sidek dan Abdul Halim Ali (2006). *Seni dan Muzik: Refleksi Indentiti Bangsa dalam Konteks Perubahan dan Kesenambungan Budaya*. Kajian tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Biographies

Mohd Azam Sulong (Azam Dungun)

Lebih dikenali dengan nama Azam Dungun, beliau merupakan seorang pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau juga sangat aktif dalam bidang penerbitan album komersial, penyusun muzik, pencipta lagu, penulis lirik dan penyelidik. Telah menerbitkan lebih 10 buah album penyanyi tempatan dan mencipta lagu serta menulis lirik melebihi 500 buah termasuk lagu korporat. Dalam bidang penyelidikan, pernah memenangi Pingat Emas dan Anugerah Utama dalam Expo Penyelidikan dan Inovasi (EKSPIN) 2009 di Universiti Pendidikan Sultan Idris menerusi penyelidikan yang bertajuk Pendigitalan Lagu Gambus Masyarakat Brunei Sabah. Penyelidikan ini juga mendapat pingat Gangsa dalam pameran hasil penyelidikan di Internasional Exposition of Research and Invention of Institutions of Higher Learning (PECIPTA) 2009.

Zaharul Lailiddin Saidon

Beliau merupakan salah seorang pelupur dalam penubuhan Jabatan Muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kini beliau merupakan Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan. Selain daripada itu beliau juga Presiden Persatuan Pancaragam Malaysia. Sangat berpengalaman dalam penjurian pertandingan pancaragam dan panel Penggubalan Kurikulum Program Sarjanamuda Muzik, Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik KBSM Menengah dan Rendah, Buku Teks dan sebagainya. Beliau juga aktif dalam mencipta lagu dan menulis lirik komersial dan patriotik. Dalam bidang penyelidikan beliau telah menjalan beberapa kajian yang antaranya adalah An Investigation into the Musical and Culture Backgrounds of Undergraduate Music Education Students at UPSI, Kajian Halatuju Program Muzik IPTA dan Identification of Assessment Mechanism For Local Music Traditions in a Malaysian Music Examination System, Kementerian Pengajian Tinggi.

Nor Shuradi Nor Hashim

Beliau merupakan pensyarah Jabatan Seni Persembahan dalam bidang Drama dan Teater. Beliau merupakan seorang aktivitis teater yang prolifik dalam lanskap seni tanahair. Antaranya adalah dramatari Semerah Padi, Dukapurnama, Nama Beta Sultan Alauddin dan sebagainya. Dalam bidang penyelidikan beliau telah melaksana beberapa kajian seperti Isu gender dalam media massa: Representasi imej gender dalam filem Cereka Melayu Malaysia dan Penilaian Prestasi ISO: Pencapaian objektif kualiti persembahan artis budaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

